

# Lulusan perubatan beberapa universiti lain turut 'disambar'

Oleh Suzalina Halid  
suzalina@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Penyelesaian isu doktor kontrak dan mempermu-dahkan laluan kerjaya bagi graduan perubatan bergelar pakar, adalah di antara usaha boleh dilakukan kerajaan bagi membendung penghijrahan golongan itu ke luar negara.

Ini kerana, dilema penghijrahan graduan perubatan ke luar negara bagi memulakan kerjaya bukan sahaja dihadapi Universiti Malaya (UM), malah turut dihadapi beberapa institusi pengajian tinggi (IPT) yang sudah lama menawarkan pengajian bidang itu.

Situasi sama berlaku kepada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) apabila penghijrahan

graduan perubatannya bukanlah perkara baharu.

Namun masalah itu tidak dihadapi universiti yang baharu menawarkan kursus perubatan seperti Universiti Putra Malaysia (UPM) kerana belum berada dalam senarai dibenarkan bekerja di luar negara.

**Nasional 2**

# Syor laksana kajian tindakan graduan berhijrah

Dari Muka 1

Naib Canselor UKM, Prof Datuk Dr Mohd Ekhwan Toriman, berkata setiap tahun antara tiga hingga lima lulusan perubatan universiti itu, berhijrah ke luar negara.

Beliau berkata, bagi setiap pelajar perubatan, kerajaan membelanjakan antara RM800,000 hingga RM1 juta, khususnya dalam aspek subsidi yuran, program klinikal dan peralatan pembelajaran serta pelajaran.

"Bagi graduan pasca siswazah, hampir 100 peratus perlu bekerja di Malaysia berikutan terikat kontrak dengan Kementerian Kesihatan (KKM).

"Saya tidak melihat penghijrahan ini sehingga meruntuhkan sistem ekonomi, namun kerajaan perlu menambah baik sistem latihan kakitangan perubatan yang masih di peringkat kontrak jika mahu mereka berkhidmat di si-

ni," katanya kepada *BH*, di sini.

Beliau mengulas kenyataan bekas Dekan Fakulti Perubatan UM, Prof Datuk Dr Adeeba Kamarulzaman, bahawa Malaysia kehilangan sekurang-kurangnya 30 graduan perubatan terbaik dari universiti itu yang memilih berkhidmat di luar negara, terutama Singapura sebaik menamatkan pengajian.

Tindakan itu dilihat sebagai satu 'kerugian' besar kepada institusi tempatan kerana kos melatih setiap pelajar perubatan dianggarkan bernilai kira-kira RM1 juta.

Pada masa sama, Mohd Ekhwan berkata, UKM turut melaksanakan inisiatif memanggil semula doktor dan pakar perubatan yang berkhidmat di luar negara

untuk bertugas di Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) dan Hospital Pakar Kanak-Kanak Universiti Kebangsaan Malaysia (HPPKK).

Beliau berkata, secara purata HCTM dan HPPKK mempunyai tujuh kakitangan yang dike-kan pernah bekerja di luar negara, termasuk Eropah dan Timur Tengah.

"Mereka pulang ke Malaysia disebabkan faktor keluarga, keseimbangan bekerja di tanah air, didorong perasaan ingin berkhidmat kepada rakyat dan sistem kesihatan Malaysia yang lebih efektif," katanya.

Beliau berkata, perlu adanya kajian berhubung tindakan graduan perubatan yang berhijrah ke luar negara, sama ada ia mem-



Mohd Ekhwan

babitkan faktor penolak seperti kekurangan jawatan atau tiada laluan kerjaya yang jelas atau penarik membabitkan tawaran gaji yang lebih tinggi dari luar.

Berdasarkan semakan terhadap sesawang Majlis Perubatan Malaysia (MMC), ada 32 IPT awam dan swasta negara ini menawarkan kursus perubatan yang diiktiraf majlis itu.

## Prospek gaji tinggi

Sementara itu, Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UPM, Prof Dr Zamberi Sekawi, berkata berikutan graduan universiti itu tiada dalam senarai untuk diterima bekerja di luar negara, penghijrahan hanya berlaku dalam sebilangan kecil doktor pakar yang dilahirkan dari UPM.

Beliau berkata, pihaknya melihat prospek gaji yang tinggi dan peluang lebih mudah mengembangkannya sebagai pakar di

negara luar menyebabkan mereka tekad menimba pengalaman kerja di luar.

"Selalunya yang bekerja di luar negara adalah terdiri daripada pakar dan bersifat kompetitif kerana mahu meningkatkan peluang kerjaya dengan lebih mudah.

"Saya ada mendapat juga aduan berhubung peluang yang sangat terhad untuk menjadi pakar kerana sistem sedia ada tidak mencukupi menyebabkan mereka mahu mencuba nasib di luar," katanya.

Beliau berkata, pihaknya berpandangan isu kontrak disifatkan sebagai penghalang utama mengapa graduan perubatan tekad bekerja di luar.

Katanya, pihaknya percaya kerajaan sudah cuba mencari jalan bagi menyelesaikan isu berkenaan, namun belum menemui titik penyelesaian berkesan hingga kini.